

Cari alternatif lain menyamai penggunaan video referral

Saiful Affendi Sapran

saifulaffendi@nsp.com.my

Kuala Lumpur: Semua pihak termasuk Konfederasi Hoki Malaysia (MHC) perlu memikirkan alternatif lain yang menyamai penggunaan rujukan video (video referral) supaya ia boleh diaplikasikan dengan lebih baik pada saingan Liga Hoki Malaysia (LHM).

Timbalan Presiden Kanan MHC, Datuk Dr S Shamala (**gambar**) berkata, kaedah atau teknologi itu diharap dapat mengurangkan kos sekali gus membolehkan ia lebih realistik digunakan dalam setiap perlawanan liga pada masa depan.

"Untuk ketika ini, semua perlawanan yang membabitkan penggunaan rujukan video adalah sepenuhnya menggunakan kamera milik Astro.

"Bermakna, mereka menanggung semua kos. Tapi memang sudah tiba masanya untuk kita memikirkan alternatif lain yang dapat mengurangkan kos.

"Mungkin boleh membabitkan penyelidikan daripada pelajar di universiti atau pihak lain.

"Bagi MHC, bajet yang ada perlu diberi tumpuan kepada perkara lain seperti aspek pembangunan, bukan sekadar tertumpu kepada rujukan video," katanya ketika dihubungi.

Tegas Shamala, tidak dinafikan penggunaan rujukan video sememangnya cukup penting untuk setiap perlawanan liga.

"Ini kerana setiap pasukan sudah berbelanja besar dan sudah tentu mereka mahu-

MAHAL SANGAT

■ Kos aplikasi rujukan video cecah RM100,000 setiap perlawanan

Jugut Singh, Saiful A. Tandy Sapran dan Shajah Nor Said sukaarteam@nsp.com.my

Kuala Lumpur

Kos yang bertambah tinggi cecah RM100,000 bagi setiap-satu perlawanan menjadikan mereka merasakan mas-



LAPORAN Harian Metro Sabtu lalu.

lahil untuk mengaplikasikan rujukan video (video referral) pada setiap perlawanan Liga Hoki Malaysia (LHM).

Perkara itu diajui seorang pengetahuan televisyen yang sudah biasa mengendalikan perlawanan hoki di peringkat domestik dan antarabangsa.

Beliau yang enggan namanya didedahkan berkata, kos yang tinggi itu berpautan daripada peralatan yang diperlukan selain faktor hanya beberapa organisasi saja yang memiliki teknologi itu di Malaysia sekali gus menjadikannya begitu mahal.

Secara dasarnya Liga Premier MHC memerlukan 36 perlawanan semasing dan jika RM100,000 diperlukan bagi setiap-satu perlawanan, sudah tentu ia menelan kos sehingga RM3,6 juta.

"Jika hendak menggalakkan rujukan video dari awal rasanya tidak ber-

KOS PENGGUNAAN RUEJKAN VIDEO

RM20,000

- Peralatan pengadil
- Headsets mic wireless (8 unit)
- Earpiece IEM (8 unit)
- Panel komunikasi
- Walkie talkie (4 unit)

RM80,000-RM100,000

- Produksi
- Kamera produksi (8 unit)
- Trak stesen surau
- Van DSNG
- 35 krew
- Tempahan satelit (siar stesen langsung)

halah sebab kosnya begitu tinggi, dan rasanya pihak-pihak Astro sendiri pun tidak sanggup untuk menaiki kos penyiaran untuk semua perlawanan MHL.

"Kos menyiaran amat tinggi. Mana tidaknya peralatan diperlukan pengadil saja sudah mencapai antara RM10,000 hingga RM20,000, itu belum termasuk kamera dan sudut kamerar, satelit, Trak Stesen Luar (TSL) dan operasi yang hobiah mencapai RM80,000.

"Sebab itu, sistem penyiaran ini bersama MHC (Konfederasi Hoki Malaysia) setakat ini hanya mencapai persetujuan untuk membuat laporan siaran langsung untuk akhir separuh akhir dan final liga saja," kata penerbit itu.

Sukan Team semalam me-

ngah skuad hoki negara, Tim Saati (**gambar**) berseruan dengan cadangan mengaplikasikan sepenuhnya penggunaan rujukan video dalam setiap perlawanan MHL.

Cadangan itu dibangkitkan selepas mengambil kira kurangnya pendekaran pemain tempatan terhadap teknologi itu yang pada akhirnya mengakibatkan mereka gagal melakukan keputusan tepat ketika memohon menggunakananya di peringkat antarabangsa.

Malah, ia jelas mensudahi masalah besar tentang buat skuad wanita negara yang terpaksa meletakkan jurnal di belakang gol bagi membantu memberi arahan kepada pemain sama ada perlu atau tidak memohon siang, pagi video ketika berlaku insiden dalam kawasan 23 meter.

kan keputusan yang adil pada setiap perlawanan.

"Sebab itu ada pada masa sama perlu penambahbaikan daripada pengadil perlawanan. Bukan bermakna mutu pengadilan sekarang tidak bagus, tetapi ia perlu lebih baik pada masa depan," katanya.

Shamala mengulas laporan Sukan NSTP berhubung reaksi pelbagai pihak

yang menyokong penggunaan rujukan video dalam setiap perlawanan bagi meningkatkan mutu liga di Malaysia.

Namun kekangan utama adalah soal kos kerana difahamkan untuk setiap perlawanan yang menggunakan rujukan video, ia akan menelan kira-kira RM100,000.

